

Machdi wakili UMS, Sabah ke Gunung Everest

UB 4/7/2011 B3

SEORANG Sahli Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas), M Machdi Wisma Jaya telah terpilih untuk menyertai ekspedisi ke Everest Base Camp (EBC), Nepal yang dijadualkan pada 10 hingga 28 Julai ini.

Beliau yang juga seorang pemandu di Jabatan Pembangunan

dan Penyelenggaraan di Universiti Malaysia Sabah akan menyertai ekspedisi Everest bersama Kelab Eksplorasi & Benua Malaysia (KE7B).

Pemilihannya sebagai wakil tunggal dari UMS dan Sabah yang menyertai ekspedisi itu berdasarkan penyertaan aktif bersama urusan latihan kelab berkenaan di Gunung Kinabalu.

Pendakian ke puncak Gunung Everest akan disertai oleh Media Prima Berhad (MPB) melalui rangkaian TV3 yang juga penyiar rasmi projek itu.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah, Amat Jutrah Musnih, berkata penyertaan Machdi ke Gunung Everest adalah satu kejayaan yang mengharumkan nama

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah di peringkat universiti, negara dan antarabangsa.

"Kekaumas UMS mengucapkan syabas dan tahniah di atas pemilihan beliau sebagai wakil tunggal negeri Sabah dan UMS sekaligus telah mengharumkan nama negara di peringkat

antarabangsa," katanya.

Jutrah berdoa agar Machdi beroleh kejayaan cemerlang serta dilindungi oleh Allah dalam perjalanan pergi dan balik ke Gunung Everest. Katanya, penyertaan ahli Kesatuan seperti Machdi ke ekspedisi berkenaan mampu membawa impak positif kepada ahli kesatuan dan kakitangan UMS agar bergiat aktif dalam apa juar bidang yang diminati.

Machdi akan bertolak

ke Kuala Lumpur pada hari ini (7 Julai) untuk berkumpul bersama peserta ekspedisi bagi sesi taklimat sebelum berangkat ke Nepal pada 10 Julai.

Machdi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, Pendaftar UMS Mejari (K) Abdullah Mohd Said, Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah Amat

Jutrah, Pengarah JPP Ir. Mohd Roslee Mohd Ali Lee dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Operasi Firdaus Abdullah, rakan-rakan pemandu JPP serta kakitangan JPP yang memberikan semangat dan sokongan moral kepadanya.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu urusan perjalanan ekspedisi ke Gunung Everest," katanya.



BERISOKONGAN... Pemandu JPP, UMS bergambar bersama M Machdi Wisma Jaya (enam kanan) dan Amat Jutrah (lima kanan) semasa perjumpaan ringkas di UMS, kelmarin.



SYABAS ... Penyerahan kain rentang exco Kekaumas oleh Presiden Kekaumas, Amat Jutrah (lima kanan) kepada M Machdi Wisma Jaya disaksikan oleh Timbalan Presiden Kekaumas, Jideh Jurin bersama AJK Danan Masalleh, Sintai Odol, Abdul Jalil Sapliserta beberapa orang pemandu.